

Teks Ucapan

Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong MP 185 Batu Sapi

**Sempena Perasmian Mesyuarat Agung PIBG & Penyerahan Bantuan
Persekolahan**

SMK Batu Sapi Sandakan

16 February 2019

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berusaha Encik Esmadi bin Ismail,
Pengetua SMK Batu Sapi.

Yang Berusaha Encik Muhammad Ali bin Said,
Ketua Unit Pembangunan PPD Sandakan.

Yang Dihormati Encik Risyandi Latif Sakka,
Yang Dipertua PIBG SMK Batu Sapi.

Barisan Penolong Kanan, Barisan Guru Kanan Mata Pelajaran, Barisan Guru-guru, Barisan Ahli Jawatankuasa PIBG, para ibu bapa, pelajar-pelajar dan hadirin yang dikasihi sekalian.

Selamat Pagi dan Salam Sayangi Malaysiaku.

Terlebih dahulu marilah kita bersyukur kepada Tuhan kerana kita dapat berkumpul bersama-sama dalam Mesyuarat Agung PIBG SMK Batu Sapi kali ke-11 pada pagi yang ceria ini. Saya berasa gembira melihat semangat, kerjasama dan iltizam yang ditunjukkan oleh semua pihak dalam melibatkan diri secara bersungguh-sungguh bagi menjayakan majlis ini. Secara peribadi saya berasa amat bangga terhadap usaha, keringat, semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua pihak.

Para hadirin sekalian,

Pada hari ini, kita mendapati peranan pendidikan telah berubah dengan jelas daripada fungsi tradisionalnya. Para pelajar bukan sahaja datang ke sekolah untuk belajar tetapi untuk dididik sebagai pewaris negara agar menjadi modal insan yang berilmu dan berakhhlak mulia. Pada masa yang sama, sebagaimana kita sedia maklum Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah sebuah organisasi yang cukup signifikan dan penting terhadap perkembangan sesebuah sekolah. Tidak dapat dinafikan peranan dan tanggungjawab PIBG di sesebuah sekolah memberi kesan kepada kemajuan dan pencapaian sekolah kerana PIBG menjadi medium atau wahana untuk mencetuskan halatuju dan matlamat sekolah ke arah kecemerlangan pendidikan. Pengurusan PIBG yang cemerlang akan melahirkan sekolah yang terbilang dan ia bukanlah hanya angan-angan kosong semata-mata malah diharapkan dapat diaplikasikan sepenuhnya bagi mencapai hasrat yang sama-sama kita inginkan.

Hadirin yang dikasihi sekalian.

Seperti yang ditekankan dalam dasar pendidikan negara iaitu ‘Pendidikan Untuk Semua’, suasana pembelajaran yang seronok dan membahagiakan haruslah diterapkan dalam sesebuah sekolah, institusi mahupun universiti. Maka untuk mencapai kearah suasana ini, budaya cinta, kasih atau sayang, kegembiraan dan hormat-menghormati haruslah menjadi asas dalam sesebuah institusi itu agar ilmu dapat diperoleh dan dieksplotasi dengan lebih berkesan, seiring dengan keperluan negara bagi mencapai status negara maju menjelang 2025.

Warga Sekolah yang dikasihi sekalian.

Perubahan dalam sistem pendidikan negara menuntut pengorbanan yang bukan kepalang daripada guru-guru. Oleh itu, para guru perlu mempersiapkan diri dengan segala ilmu di dada agar aspirasi negara ini dapat direalisasikan. Para guru juga perlu ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan amanah yang diberi. Oleh itu, saya menyeru kepada semua para guru atau pensyarah di sini agar bergenggam tangan, berganding bahu, bangun sederap, mara sepakat, mengukuhkan tekad dan memantapkan komitmen demi menyempurnakan amanah yang diberi dengan jujur, amanah dan penuh kerelaan dan suci hati untuk mencari keredhaan Tuhan. Sepanjang masa, pelbagai inisiatif, perubahan dan penambahbaikan sedang dan telah dilaksanakan bagi meningkatkan

motivasi serta produktiviti. Sehubungan dengan itu, KPM melakukan pelbagai inisiatif bagi mengeluarkan pelajar lulusan ijazah dalam bidang kemahiran yang berpotensi tinggi. Pengetahuan atau ilmu bercambah begitu pesat dan mendadak, selaras dengan era pembangunan yang berganda. Begitu juga dengan sistem pendidikan di negara kita. Sistem pendidikan kita akan dimantapkan lagi agar sentiasa relevan, berciri global, berdaya saing dan sentiasa bergerak ke hadapan. Tiada sesiapapun yang dapat menafikan betapa pentingnya ilmu pengetahuan kepada setiap manusia.

Hadirin sekalian,

Pada majlis ini kita juga akan menyampaikan sumbangan berupa bantuan persekolahan kepada para pelajar sekolah ini, dan saya berharap dengan sumbangan yang tidak seberap ini sedikit sebanyak akan dapat meringankan beban para pelajar dalam menggarap ilmu pendidikan serta menjadi pencetus motivasi dalam berdepan dengan cabaran dalam memenuhi cita-cita mereka. Pada masa yang sama saya turut menyeru semua ibu bapa agar memberi sokongan padu yang tidak berbelah bahagi terhadap segala usaha murni pihak sekolah dan saya yakin dengan penggembangan tenaga dan penyatuan minda sudah pasti akan menyemarakkan lagi budaya permuafakatan yang seterusnya akan pasti melahirkan generasi yang berwibawa dan maju dalam semua aspek.

Buat warga pendidik,

Kepimpinan sekolah perlu memacu penghasilan daya kreativiti dan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara berterusan. Bagi menghasilkan pendidikan yang bermutu, para pengajar perlu melakukan anjakan paradigma dalam melaksanakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan para pelajar untuk berfikir secara kreatif dan inovatif. Kita perlu berganjak daripada pendekatan model kilang penghasilan pendidikan (factory model of producing education) kepada model penciptaan pengajaran dan pembelajaran yang memberangsangkan minda, yang menguji daya kreativiti dan inovasi, yang mencungkil keupayaan menyelesaikan masalah dan yang mengasah ketajaman penaakulan (reasoning) para pelajar. Ertinya, orientasi pengajaran dan pembelajaran mesti berganjak daripada pembelajaran berbentuk hafalan (rote learning) kepada pembelajaran yang memberangsangkan akal (mind stimulating learning).

Sebelum saya berundur diri, saya ingin menarik perhatian hadirin sekalian kepada sebuah puisi muafakat yang berbunyi,

Indah sungguh warna pelangi
Tidak luput hingga ke petang
Bukit dan lurah sama diharungi
Usaha bersama kejayaan datang

Buah salak di dalam kantung
Kulitnya keras isinya kelat
Bulat air kerana pembetung
Bulat manusia kerana muafakat

Beras segantang sudah disukat
Lalu disimpan di atas para
Andai seluruh masyarakat muafakat
Negara maju rakyat sejahtera

Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung PIBG
SMK Batu Sapi kali ke-11 bagi Tahun 2019

Sekian, terima kasih.

(Tamat)